

GARIS PANDUAN KEDAI SERBANEKA DENGAN KEPENTINGAN ASING 2012

OLEH

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

1. OBJEKTIF

- 1.1 Garis panduan ini disasarkan atas landasan liberalisasi bagi sub sektor kedai serbaneka terhadap pelaburan asing dan menggalakkan pemindahan teknologi, kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan peruncitan moden kepada pengusaha tempatan di Malaysia.

2. DEFINISI

- 2.1 Kedai serbaneka merujuk kepada kedai pengedaran yang beroperasi 24jam dan menjual barangan "*fast moving item*";
- 2.2 Syarikat dengan kepentingan asing yang beroperasi sebagai kedai serbaneka bermaksud syarikat yang mempunyai hubungan dengan syarikat pengedaran asing pada setiap masa:-
 - (i) mempunyai sebarang bentuk perjanjian, perkongsian, agensi, kontrak perkhidmatan atau bekalan; dan
 - (ii) menggunakan atau tidak menggunakan cap dagang syarikat pengedaran asing sebagai nama kedai serbaneka; atau
 - (iii) mempunyai pegangan ekuiti dan / atau ahli lembaga pengarah daripada syarikat pengedaran asing.

- 2.3 “Fast moving items” – produk yang mempunyai kadar pusingan stok yang cepat. Contoh : rokok, surat khabar, majalah dan roti.

3. PENUBUHAN SYARIKAT, MODAL BERBAYAR DAN EKUITI

- 3.1 Syarikat berkepentingan asing yang ingin menjalankan operasi kedai serbaneka hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

(i) Penubuhan syarikat

Menubuhkan syarikat di Malaysia seperti mana yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965 [Akta 125]

(ii) Kedai Serbaneka Dengan Kepentingan Asing Dalam Format Francais

Syarikat berkepentingan asing yang ingin menjalankan operasi kedai serbaneka hendaklah secara format francais sahaja.

(iii) Modal Berbayar Minimum

Modal berbayar minimum yang diperlukan adalah RM1,000.000.00.

(iv) Struktur Ekuiti:

- (a) Pada setiap masa, pelabur asing hanya dibenarkan memegang maksimum 30% daripada ekuiti syarikat dan minimum 30% ekuiti, hendaklah dikhaskan untuk Bumiputera; dan
- (b) Syarat ekuiti ini mestilah dipenuhi sewaktu mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran, KPDNHEP.

4. SYARAT OPERASI

4.1 Kedai Serbaneka Berkepentingan Asing hendaklah mematuhi syarat operasi berikut:

- (i) tertakluk kepada Akta Francais 1998 [Akta 590] (Pindaan 2012);
- (ii) hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan menjadi francaisi;
- (iii) kedai serbaneka hendaklah beroperasi selama 24jam sehari. Namun fleksibiliti boleh dipertimbangkan untuk kedai serbaneka yang beroperasi di premis seperti di dalam kawasan pusat membeli-belah, hospital, kilang, institut pengajian dan kawasan kemudahan awam di mana waktu operasi adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan premis;
- (iv) ruangan lantai jualan hendaklah tidak melebihi 140 meter persegi (1 lot kedai atau lebih kurang 1,500 kaki persegi);
- (v) hanya dibenarkan beroperasi di dalam kawasan metropolitan dan bandar besar yang mempunyai populasi 10,000 orang dan ke atas (sebagaimana ditakrifkan oleh Jabatan Perangkaan di dalam Banci Penduduk dan Perumahan 2000);
- (vi) membenarkan penjualan barangan segar, produk dingin, sejuk beku dan barangan basah dengan cara dibungkus (pek) dan sistematik; dan

- (vii) perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan *Stock Keeping Unit* (S.K.U) untuk produk Bumiputera daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi setiap kedai.

5. KEDAI SENDIRI DAN FRANCAISI

- 5.1 Syarikat yang menjalankan operasi kedai serbaneka dan / atau Francaisi Induk hanya dibenarkan untuk mengekalkan tidak lebih 30% kedai sebagai kedai sendiri daripada keseluruhan jumlah kedai;
- 5.2 Francaisi hendaklah dilantik sebaik sahaja syarikat mengemukakan laporan kewangan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun dan tidak melebihi jangka masa lima (5) tahun daripada tarikh kedai pertama syarikat beroperasi;
- 5.3 Sewaktu mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran KPDNHEP, syarikat hendaklah turut mengemukakan pelan perancangan serta anggaran jangka masa yang akan diambil oleh syarikat untuk mencapai nisbah 30% kedai sendiri dan 70% kedai francaisi.

6. KELULUSAN JAWATANKUASA PERDAGANGAN PENGEDARAN

- 6.1 Setiap permohonan operasi kedai serbaneka dengan kepentingan asing adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran, KPDNHEP.

6.2 Permohonan mestilah melalui urus setia:

**BAHAGIAN INDUSTRI PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
ARAS 9 (MENARA)
NO.13, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62623 PUTRAJAYA**

7. AKTA / UNDANG-UNDANG ATAU SYARAT OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

7.1 Operasi kedai serbaneka dengan kepentingan asing bagi kedai milik syarikat atau kedai francais hendaklah mematuhi semua perundangan yang telah ditetapkan oleh PBT.

8. ALAM SEKITAR DAN KEPENTINGAN AWAM

8.1 Pengusaha kedai serbaneka dengan kepentingan asing hendaklah memastikan persekitaran berada di dalam keadaan bersih dan selamat serta mematuhi sebarang syarat pemeliharaan alam sekitar yang ditetapkan oleh mana-mana agensi Kerajaan atau PBT.

9. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

9.1 Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa serta-merta dari masa ianya dikeluarkan dan tertakluk kepada sebarang pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa. Garis panduan sebelum ini berkenaan perkara kedai serbaneka adalah terbatal.

GLOSARI

- (i) S.K.U (*Stock Keeping Unit*) ialah kiraan inventori bagi setiap jenis produk di dalam kedai serbaneka.

- (ii) Barangan basah ialah barangan jualan, hidup atau mati, yang mempunyai unsur basah sama ada belum atau siap diproses dan juga bahan mentah yang belum dimasak atau perlu melalui pelbagai proses sebelum boleh dimakan. Sebagai contoh sayur-sayuran, daging, ayam atau hidupan laut.

Disediakan oleh:
Bahagian Industri Perkhidmatan
KPDNHEP

Dikemaskini:
24 Januari 2019